

Mahathir nasihatkan pemimpin2 MCA elakkan bertanding

UM 16 JUL 1990

KUALA LUMPUR 15 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berharap pemimpin-pemimpin MCA berusaha mengelakkan pertandingan bagi merebut jawatan presiden parti itu dalam pemilihan yang akan diadakan pada 28 Julai ini.

Perdana Menteri berkata, MCA harus mempelajari apa yang telah berlaku kepada UMNO selepas pertandingan seumpama itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, jika berlaku juga pertandingan, mereka yang kalah mesti menyokong orang yang menang dan merapatkan barisan kepimpinan parti bagi mengelakkan peristiwa pengharaman

UMNO berulang ke atas MCA.

Katanya, pihak yang kalah tidak seharusnya mengheret parti ke mahkamah seperti yang berlaku dalam UMNO sebelum ini.

"Kalau boleh tak usahlah bertanding, bincanglah sama sendiri dan cari jalan yang baik. Kalau bertanding juga, yang kalah mesti sokong yang menang," katanya kepada para pemberita di kediamannya di Sri Perdana petang ini.

Beliau yang ditemui selepas meraikan ketua-ketua dan pemimpin Orang Asli dari negeri-negeri Semenanjung, diminta mengulas perkembangan terakhir dalam MCA, di mana Dato' Lee Kim Sai tetap dengan

keputusannya bertanding dalam pemilihan itu.

"Jangan jadi macam UMNO sehingga UMNO diharamkan. Cukuplah apa yang terjadi dengan UMNO," ujarnya lagi.

Ini merupakan kenyataan pertama Perdana Menteri yang menyatakan hasratnya supaya MCA dapat mengelakkan pertandingan bagi merebut jawatan presiden parti itu.

Awal bulan ini semasa bercajak kepada para pemberita di Alur Setar, Perdana Menteri berkata beliau tidak akan campur tangan dalam masalah yang berlaku dalam MCA dan berharap krisis dalaman parti itu diselesaikan dengan cara yang baik.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, semasa pemilihan dalam UMNO dahulu, beliau juga telah berusaha untuk mengelakkan pertandingan (rebutan jawatan Presiden antara Dato' Sri Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh) tetapi usaha tersebut gagal dan pertandingan terus diadakan.

Ditanya sama ada beliau akan berusaha mengelakkan pertandingan tersebut, Perdana Menteri berkata, beliau telah menemui kedua-dua pemimpin — Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik dan Dato' Lee mengenai perkara tersebut.

Katanya, pertemuan itu dibuat sebelum terdapat sebarang pengumuman dari mana-mana pemimpin yang ingin mencabar kedudukan Dato' Sri Dr. Ling sebagai Presiden MCA.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu, beliau telah memberi pandangannya mengenai perebutan jawatan itu.

"Saya sudah jumpa kedua-dua pemimpin itu dan saya tidak memihak kepada sesiapa pun," katanya.

Menjawab pertanyaan pemberita safra ada beliau akan mengadakan pertemuan peringkat kedua bagi mengelakkan pertandingan itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak berhasrat untuk berbuat demikian.

Katanya, jika berlaku pertandingan, beliau berharap apa yang berlaku dengan UMNO tidak akan berulang lagi dalam MCA kerana ia akan merugikan parti dan masyarakat Cina keseluruhannya.

Mengenai kemungkinan pertandingan tersebut menjejaskan Barisan Nasional (BN), beliau yang juga Pengerusi BN berkata, pemimpin-pemimpin MCA telah matang dalam mengambil satu-satu tindakan.

Oleh itu, beliau percaya prestasi BN tidak akan terjejas.